

17/11/1998

Krisis kewangan agenda utama Apec (HL)

KUALA LUMPUR, Isnin - Krisis kewangan yang menggugat lebih separuh daripada negara anggota Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec), akan menjadi agenda utama sidang kemuncaknya yang bermula di sini esok.

Sehubungan itu, beberapa pemimpin yang sudah tiba di sini hari ini, melahirkan sokongan terhadap langkah Malaysia memperkenalkan dasar kawalan tukaran asing secara berpilih dalam mengatasi krisis yang sudah berlarutan lebih setahun.

Sokongan itu disuarakan pemimpin terbabit ketika mengadakan perbincangan dua hala dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Berikutan persetujuan mereka supaya perkara itu dibincangkan dengan lebih serius, isu berkaitan kawal selia pasaran mata wang mungkin dimasukkan dalam Deklarasi Kuala Lumpur pada akhir mesyuarat itu lusa.

Pemimpin yang mengadakan pertemuan dua hala dengan Perdana Menteri hari ini ialah rakan sejawatannya dari Singapura, Goh Chok Tong, John Howard (Australia), Presiden Kim Dae-Jung (Korea Selatan), Chuan Leekpai (Thailand), Presiden Alberto Fujimori (Peru), Sultan Hassanal Bolkiah (Brunei) dan Dr Chiang Pin-Kung (wakil Presiden China Taipei).

Esok Dr Mahathir akan meneruskan perbincangan dua hala dengan rakan sejawat dari Vietnam, Chile, Jepun, New Zealand, Indonesia dan China.

Memberitahu sidang akhbar petang ini, Dr Mahathir berkata kebanyakan pemimpin yang menemuinya, menyokong pandangan Malaysia dan mahukan perbincangan bagaimana kegiatan perniagaan mata wang dikawal selia.

"Saya berharap ada harapan yang munasabah bagi mencari persetujuan. Selagi berkaitan dengan Malaysia, yang paling utama ialah apakah sikap Apec terhadap krisis kewangan.

"Mereka menuntut harus ada kawal selia dalam perdagangan mata wang," katanya yang tidak menolak kemungkinan isu mata wang dimasukkan ke dalam deklarasi bersama pemimpin negara Apec nanti.

Ditanya sama ada pemimpin yang menemuinya itu membayangkan kemungkinan mengikut jejak langkah Malaysia mengadakan kawalan tukaran asing, Dr Mahathir berkata:

"Sebenarnya, kita tidak meminta mereka untuk mengikut...apa yang kita minta ialah mereka membincangkan perkara ini. Kita akan memberi pandangan kita mengenai apa yang kita fikir harus dilakukan.

"Ramai antara mereka bercakap mengenai perkara yang sama. Kita mahu telus dan mereka juga percaya mengenai ketelusan," katanya.

Sebelum itu, Fujimori selepas menemui Dr Mahathir berkata, Peru yakin dasar kawalan mata wang yang dilaksanakan Malaysia mampu membantu memulihkan ekonomi Malaysia.

"Keadaan di Peru amat berbeza. Kita tidak melaksanakan sebarang kawalan mata wang atau pertukaran mata wang asing. Kita bebas. Namun, kita yakin langkah yang diambil Malaysia ini memberi manfaat kepada rakyat dan negaranya," kata beliau.

Menteri Luar Filipina, Domingo L Siazon, yang mengiringi Presidennya, Joseph Estrada, berkata negara itu sependapat dengan Malaysia bahawa perlu ada peraturan tertentu mengenai urusan niaga mata wang.

Beliau percaya pandangan Dr Mahathir itu nanti diterima oleh kuasa ekonomi besar dunia, Amerika Syarikat, Bank Dunia dan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF).

Howard yang diminta mengulas mengenai tindakan Malaysia mengenakan kawalan ke atas tukaran mata wangnya, berkata walaupun menyokong pasaran

terbuka, beliau menghormati langkah itu kerana negara ini adalah antara yang paling teruk mengalami kegawatan sejak 12 bulan lalu.

Kanada juga menganggap langkah kawalan tukaran asing berpilih yang dilaksanakan Malaysia sekarang sebagai positif kerana ia bertujuan menjaga kepentingan negara daripada serangan bertubi-tubi spekulator mata wang.

Setiausaha Negara Kanada Bagi Hal Ehwal Asia Pasifik, Raymond Chan, berkata langkah Malaysia itu memang wajar kerana ia mengutamakan penyelesaian isu kewangan yang dihadapi negara ketika ini.

Sambil berharap langkah kawalan itu bersifat sementara, Chan berkata langkah pendekatan Malaysia itu kini dapat mengelak negara daripada terjerumus kepada masalah lebih teruk.

Sementara itu, Dr Mahathir ketika menjawab satu soalan menyarankan agar isu mata wang dibincangkan dalam forum yang turut disertai negara membangun. Menurutnya, forum terbaik untuk tujuan itu ialah dalam Kumpulan 22 yang merangkumi tujuh negara maju dan 15 negara membangun (G-7 dan G15), bukan G-7 saja.

"Ini kerana G7 adalah secara eksklusif kepada negara yang sangat kaya dan tidak begitu terjejas teruk oleh krisis kewangan seperti dihadapi negara-negara membangun," katanya.

Dr Mahathir juga berkata, Menteri Kewangan Apec dijangka membincang dan mengambil tindakan susulan mengenai isu itu.

Mengenai agenda lain selain masalah kewangan yang akan dibincangkan pada sidang kemuncak, beliau berkata tiga lagi perkara itu ialah soal kerjasama ekonomi, rundingan perdagangan pelbagai hala dan perdagangan elektronik (e-dagang).

Ditanya sama ada beliau berpuas hati dengan pencapaian mesyuarat peringkat menteri yang berakhir semalam, Dr Mahathir berkata beliau berpuas hati.

Katanya, mesyuarat itu mencapai persetujuan secara praktikalnya dalam semua perkara kecuali mengenai Liberalisasi Awal Sektor Secara Sukarela (EVSL) yang terpaksa untuk digerakkan kepada Pertubuhan Perdagangan Sedunia (WTO).

"Yang lainnya (pada mesyuarat peringkat menteri Apec), kita dapat capai penyelesaian. Dengan itu, kita berpendapat mesyuarat ketua-ketua negara tidak akan menjadi rumit," katanya.

(END)